

# Majoriti ahli MCA terima pelan damai PM

11 JUN 2002

**K**UALA LUMPUR 28 Jun – Pelan damai bagi mengelakkan perpecahan dalam MCA anjuran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diterima oleh sebahagian besar ahli parti tersebut.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr. Ting Chew Peh berkata, penerimaan pelan damai itu sehingga tahun 2005 bagi membolehkan kepimpinan menumpukan agenda memperkuatkan parti yang sebelum ini bergolak.

“Pelan damai itu dapat

menstabilkan pucuk pimpinan MCA buat sementara waktu sekurang-kurangnya sehingga tahun 2005 dan dengan itu pimpinan dapat memfokuskan pembangunan projek dalam parti seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Wanita MCA ke-27 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Isnin' lalu, Chew Peh yang juga Pengerusi Jawa-

tankuasa Pemandu Pemilihan MCA mengumumkan bahawa semua penyandang jawatan kepimpinan utama parti dikekalkan sehingga tahun 2005.

Ia selaras persetujuan Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu supaya tiada pemilihan bagi sesi 2002/2005 ekoran penerimaan pelan damai anjuran Dr. Mahathir yang mencadangkan supaya pertandingan bagi semua jawatan dari peringkat bahagian ke atas ditangguhkan.

Tujuan utama pelan damai terbabit adalah bagi

menamatkan perebutan jawatan antara Kumpulan A dan Kumpulan B dalam parti yang masing-masing memihak kepada Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Datuk Lim Ah Lek.

Terdahulu ketika berucap pada majlis perasmian perhimpunan agung itu, Chew Peh berkata, perebutan kuasa dalam MCA sama ada secara terbuka atau tidak hanya akan menjejaskan reputasi pemimpin.

Katanya, pertelingkahan dalaman MCA akan menyebabkan pihak luar melihat pemimpin parti itu se-

bagai mengutamakan kepentingan peribadi bukan perjuangan parti.

“Adakah anda melihat ahli parti politik lain yang melanggar disiplin seperti mengkritik presiden secara terbuka. Dan, lebih buruk lagi, mereka berbangga apabila melakukan pelanggaran disiplin dan perlembagaan parti,” tegasnya.

“Saya menjeru Jawatankuasa Disiplin parti bertindak ke atas kumpulan yang gemar melanggar peraturan itu supaya tatatertib dalam MCA terus terpelihara,” ujarnya.